

# Permintaan meningkat tiga kali ganda

Permintaan topeng muka di pasaran mencecah sebanyak 15 juta sebulan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati jumlah permintaan topeng muka di pasaran ketika ini mencecah sebanyak 15 juta sebulan berbanding lima juta topeng muka sebelum ini.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, peningkatan tiga kali ganda itu berlaku susulan penularan wabak koronavirus (Covid-19) yang melanda dunia termasuk Malaysia.

"Anggaran dalam keadaan biasa, penghasilan kita adalah sebanyak lima juta topeng muka sebulan tetapi permintaan telah meningkat sehingga 15 juta sebulan iaitu tiga kali ganda daripada kebiasaan."

"Pada masa yang sama, kita menghadapi masalah dari segi



HASNOL



Orang ramai memakai topeng muka sebagai langkah pencegahan penularan Jangkitan wabak Covid-19.

pengimportan bahan mentah untuk buat penutup mulut dan hidung," katanya katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Apresiasi KPDNHEP di sini semalam.

Mengulas lanjut, Hasnol berkata, piakahnya juga tidak menolak kemungkinan akan menghentikan sementara aktiviti eksport topeng muka bagi memastikan bekalan mencukupi untuk kegunaan dalam negara bagi mengekang penularan Covid-19.

Menurutnya, perkara itu telah dibincangkan pada peringkat jawatankuasa tertinggi dan sedang melalui proses tertentu.

"Kebanyakan penghasilan (topeng muka) tempatan adalah untuk eksport tetapi sebenarnya lebih kepada penggunaan industri dan pembuatan, bukan untuk kegunaan biasa."

"Penggunaan biasa permintaan untuk tiga lapis ini memang rendah nilainya. Jumlahnya untuk eksport pun kecil," katanya.

Namun, katanya, pihak kementerian akan meneliti tahap keperluan produk berkenaan di dalam negara sama ada ia melibatkan komitmen jangka pendek atau sebaliknya.